



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 25 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAHA 2024 CATAT 5.5 JUTA PENGUNJUNG, NEGARA, KOSMO -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PADI DISERANG ULAT GULUNG DAUN, TUMPAT, SH -28	LAIN-LAIN
3.	SEBULAN LAGI NAK TUAI HASIL, LOKAL, HM -18	
4.	PADI DISERANG ULAT GULUNG DAUN, 50 PESAWAH BAKAL RUGI RM1 JUTA, NEGARA, KOSMO -18	
5.	50 PESAWAH RUGI RM1 JUTA, PADI DISERANG ULAT GULUNG DAUN, DALAM NEGERI, UM -31	
6.	ULAT GULUNG DAUN JEJAS HASIL PADI, NASIONAL, BH -14	
7.	14.86 HEKTAR KEBUN SAYUR HARAM DIMUSNAHKAN, NASIONAL, BH -14	
8.	LEBIH 40,000 BELUM DAFTAR BUDI AGRI-KOMODITI, NEGARA, KOSMO -5	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAHA 2024 catat 5.5 juta pengunjung

PETALING JAYA – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mendedahkan jumlah sebenar pengunjung yang hadir pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 adalah seramai 5,510,356 orang.

Menerusi hantaran di Facebook beliau semalam, Mohamad turut berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan pameran dwitahunan

terbabit.

"Jumlah pengunjung MAHA 2024 adalah seramai 5,510,356 orang. Tahniah kepada semua yang terlibat menjayakannya," tulisnya ringkas.

Terdahulu, MAHA 2024 yang bertemakan 'Harvesting Tomorrow Where Dreams Blossom' mencerminkan aspirasi dan matlamat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menuai kejayaan pada masa hadapan dengan usaha dan ino-

vasi yang diterokai ketika ini.

Mohamad berkata, MAHA 2024 menetapkan lapan fokus utama iaitu Sambutan 100 Tahun MAHA, Pertanian, Kelestarian, Modal Insan Madani, Teknologi, Agro Pelancongan, MAHA Go Global dan Pelaburan.

Sebanyak 16 negara menyertai pameran agrikultur terbesar di ASEAN itu antaranya Jepun, Thailand, Brunei, Indonesia, China, Rusia, Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang hadir ke MAHA 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang minggu lalu.

25/9/2024

SINAR

TUMPAT

28

HARIAN

Padi diserang ulat gulung daun

Pesawah rugi hampir RM1 juta hasil susut 30 peratus

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
TUMPAT



Serangga pesawah rosak, ulat gulung daun menyerang tanaman padi kira-kira seluas 200 hektar di kawasan Bendang Pak Yong, Kubang Sawa dan Naga Ibu, di sini, sejak dua minggu lalu.

Kadaan itu menyebabkan lebih 50 pesawah dijangka mengalami kerugian hampir RM1 juta akibat penyusutan hasil sehingga 30 peratus apabila dituai pada Oktober ini.

Petani, Harun Omar, 63, yang mengusahakan 20 hektar padi

berkata, serangan berlatu apabila ulat tersebut memakan daun padi yang sedang membunting.

Menurutnya, tanaman musim kedua itu kini berusia tiga bulan dengan keadaan cuaca tidak menentu antara panas dan hujan menyebabkan serangan serangga pesawah itu semakin memburuk.

"Jumlah rama-rama datang bersama angin terfalu banyak dan bertelur pada daun sebelum menjadi ulat.

"Ulat ini memakan daun menyebabkan padi rosak dan menjadi hampa sebelum ulat bertukar ke kepompong seterusnya rama-rama," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Kubang Sawa, di sini, pada Selasa.

Akibat serangan itu, seorang lagi petani, Ahmad Nashruddin Harun, 34, memberitahu, para pesawah di kawasan tersebut



HARUN



AHMAD NASHRUDDIN

berpakat menyembur racun menggunakan dron namun serangan ulat masih berleluasa.

Katanya, dalam tempoh dua minggu tersebut, sudah 10 kali semburan racun digunakan dengan kos RM650 bersama racun berjumlah lima liter.

"Setiap 500 mililiter racun akan dicampurkan dengan 10 liter air dan di sembur ke tanaman padi menggunakan dron.

"Kebiasaannya sekali racun disembur, ulat akan mati namun kali ini lebih sukar kerana serangan ulat terlalu banyak," katanya.



Harun (kanan) dan pesawah, Ariffin Awang Chik, 63, menunjukkan ulat gulung daun yang menyerang tanaman padi di Kubang Sawa, Tumpat.



Para pesawah melihat tanaman padi mereka yang rosak.

FOTO: SINAR HARIAN

25/9/2024

HARIAN

LOKAL

18

METRO

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Tumpat

Seramai 50 pesawah tinggal di kampung di Pengkalan Kubor di sini, sering kesulitan serangan ulat gulung daun yang merosakkan tanaman pokok padi mereka.

Sejak dua minggu lalu, sawah seluas lebih 200 hektar di Kampung Bendang Pak Yong, Naga Ihu dan Kubang Sawa di sini, dihurung rama-rama yang bertelur pada batang padi yang sedang bunting.

Akibatnya banyak ulat gulung daun yang melekat di batang padi bunting dan memakan daun pokok padi sekaligus merosakkan tanaman itu.

Salah seorang pesawah, Harun Omar, 63, berkata, hampir separuh daripada 20 hektar sawah padi diusahakannya diserang ulat gulung daun yang memakan daun tanaman itu, sekali gus menjejaskan hasil yang bakal dituai pada bu-

lan hadapan.

"Ulat gulung daun ini muncul sejak dua minggu lalu ketika berlaku cuaca tidak menentu iaitu hujan lebat yang berselang seli dengan cuaca panas."

"Hanya tinggal lebih kurang sebulan saja lagi tempo untuk menuai tapi sudah banyak padi yang rosak akibat serangan ulat gulung daun ini. Akibat-

nya kami bakal berdepan dengan kerugian besar," katanya ketika ditemui di Kampung Bendang Pak Yong.

Bagi mengatasi masalah

itu, pesawah menggunakan racun dengan keamatan sekali ganda berbanding penggunaan biasa namun serangan ulat gulung padi masih berleluasa.

Seorang lagi pesawah, Ahmad Nasrudin Harun, 34, berkata, serangan ulat gulung daun bukan pertama kali

dihadapi, tapi masalah itu mampu diselesaikan dengan semburan racun.

Menurutnya lagi, kos semburan racun juga semakin meningkat apabila keketatan menyembur dibuat dan sepanjang seran-

gan ulat gulung daun itu, dia sudah membelanjakan sebanyak RM650 untuk 10 botol racun yang digunak-

kan.

"Bukan sahaja ulat gulung daun, kami juga berdepan dengan serangan tikus menyebabkan kami hampir berputus asa untuk menuai padi tidak lama lagi," katanya.

Sebulan lagi nak tuai hasil

50 pesawah gundah tanaman dimakan ulat gulung daun bakal undang kerugian besar



PESAWAH di Pengkalan Kubor, Tumpat membelek tanaman padi untuk mencari ulat gulung daun (dalam bulatan) yang menyerang tanaman itu sejak dua minggu lalu.

Padi diserang ulat gulung daun, 50 pesawah bakal rugi RM1 juta

TUMPAT – Kira-kira 50 pesawah di tiga buah kampung di sini berdepan kerugian hampir RM1 juta apabila tanaman padi seluas 200 hektar yang diusahakan mereka diserang ulat gulung daun sejak dua minggu lalu.

Tanaman sawah padi di Kampung Bendang Pak Yong, Naga Ibu dan Kubang Sawa itu berisiko musnah sekiranya serangan ulat gagal dikawal.

Seorang pesawah, Harun Omar, 63, berkata, serangan ulat tersebut menyebabkan pertumbuhan tanaman padi seluas 20 hektar miliknya terencat apabila padi yang sedang bunting mengalami kerosakan.

"Serangan ulat gulung daun di kawasan bendang di daerah ini semakin menjadi-jadi sejak dua minggu lalu.

"Serangga itu dipercayai datang daripada rama-rama yang bertelur di daun padi sebelum membiak ke seluruh kawasan tanaman," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Bendang Pak Yong di sini semalam.

Harun memberitahu, keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini juga menjadi faktor kepada ulat itu semakin membiak selain



HARUN menunjukkan ulat gulung daun yang menyerang sawah padinya di Bendang Pak Yong, Tumpat sejak dua minggu lalu.

serangan tikus.

Seorang lagi pesawah, Ahmad Nasrudin Harun, 34, berkata, hasil tanaman padinya yang dijangka dituai hujung bulan depan berkemungkinan merosot sebanyak 30 peratus bagi tanaman musim kedua pada tahun ini.

"Usaha menyelamat dengan menyembur racun telah dilakukan, namun ia tidak memberikan kesan kerana ulat ini sangat degil.

"Jika keadaan ini berterusan, berkemungkinan besar saya akan kehilangan hasil sebanyak RM20,000," ujarinya.

50 pesawah rugi RM1 juta, padi diserang ulat gulung daun

TUMPAT: Kira-kira 50 pesawah dari tiga buah kampung di Pengkalan Kubor di sini yang mengusahakan 200 hektar padi, berdepan kerugian mencecah RM1 juta selepas tanaman itu diserang ulat gulung daun sejak dua minggu lalu.

Memburukkan lagi keadaan, serangan ulat itu semakin menjadi-jadi sekali gus membuatkan rata-rata pesawah dari Kampung Bendang Pak Yong, Naga Ibu dan Kubang Sawa buntu memikirkan nasib yang akan

menimpa mereka selepas ini.

Seorang pesawah, Harun Omar, 63, berkata, serangan ulat itu bukan sahaja merencatkan pertumbuhan dan pertembangan, malah merosakan padi-padi.

"Keadaan cuaca yang tidak menentu memburukkan lagi situasi apabila ulat itu semakin banyak. Pada masa sama, kami turut berdepan masalah tikus menyerang padi," katanya ditemui pemberita di Kampung Bendang Pak Yong di sini semalam.

Sementara itu, Ahmad Nasrudin Harun, memberitahu, berbandukan kepada situasi semasa berkemungkinan besar hasil padi yang diusahakan untuk musim kedua akan merosot sebanyak 30 peratus.

"Usaha menyelamat dengan menyembur racun telah dilakukan, namun ia tidak memberikan kesan kerana ulat ini sangat degil. Jika ia berterusan, berkemungkinan besar saya akan kehilangan hasil sebanyak RM20,000," katanya.



SEORANG petani menunjukkan ulat gulung daun (gambar kecil) yang menyerang padi di Kampung Bendang Pak Yong Tumpat, Kelantan, semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

Ulat gulung daun jejas hasil padi

**50 pesawah
di Pengkalan
Kubor berdepan
risiko kerugian**

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Tumpat: Seramai 50 pesawah di tiga kampung di Pengkalan Kubor, di sini berdepan masalah ulat gulung daun yang menyerang tanaman padi sejak dua minggu lalu.

Setakat ini, sawah seluas lebih 200 hektar di Kampung Bendang Pak Yong, Naga Ibu dan Kubang Sawa diserang ulat gulung daun yang melekat di batang padi dan memakan daun, sekali gus menyebabkan pesawah berdepan ri-

siko kerugian.

Pesawah, Harun Omar, 63, berkata hampir separuh daripada 20 hektar sawah padi yang diusahakannya diserang ulat gulung daun, sekali gus menjejaskan hasil yang bakal dituai bulan hadapan.

"Ulat gulung daun ini muncel sejak dua minggu lalu ketika berlaku cuaca yang tidak menentu iaitu hujan lebat yang bersebelang-seli dengan panas.

"Hanya tinggal lebih kurang sebulan saja lagi tempoh untuk menuai tapi sudah banyak padi yang rosak akibat serangan ulat gulung daun itu dan kami bakal berdepan dengan kerugian," katanya ketika ditemui di Kampung Bendang Pak Yong, di sini semalam.

Kos racun meningkat

Bagi mengatasi masalah itu, pesawah menggunakan racun de-

ngan kekerapan sekali ganda berbanding penggunaan biasa, namun serangan ulat gulung padi masih berleluasa.

Seorang lagi pesawah, Ahmad Nasrudin Harun, 34, berkata serangan ulat gulung bukan pertama kali dihadapi pesawah dan mampu diselesaikan dengan semburan racun.

Namun katanya, kos semburan racun semakin meningkat apabila perlu kerap menyembur racun dan setakat ini dia sudah membelanjakan sebanyak RM650 untuk 10 botol racun yang digunakan.

"Sebelum ini pesawah pernah



Harun (kiri) dan Ariffin Awang Chik menunjukkan ulat gulung daun yang menyerang tanaman padi ketika ditemui di Kampung Bendang Pak Yong.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

berdepan dengan serangan ulat gulung seperti ini tapi diselesaikan dengan semburan racun, namun kali ini sudah bergelen-gelen racun digunakan, tetapi ulat gulung tetap tidak berkurang.

"Untuk dua minggu serangan ulat gulung ini, saya sudah menyembur racun sebanyak 10 kali

berbanding hanya sekali daripada yang sepatutnya dan membelanjakan RM650 untuk penggunaannya.

"Bukan sahaja ulat gulung daun, kami juga berdepan dengan serangan tikus menyebabkan kami hampir berputus asa untuk menuai padi tidak lama lagi," katanya.

14.86 hektar kebun sayur haram dimusnahkan

Cameron Highlands: Kebun sayur seluas 14.86 hektar yang diusahakan secara haram di Hutan Simpan Mentigi dan Hutan Simpan Bertam, di sini, dimusnahkan pihak berkuasa dalam operasi bersepadu.

Operasi membabitkan 148 anggota daripada pelbagai agensi hasil maklumat risikan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang mengesan kewujudan kebun sayur dalam dua kawasan hutan simpan terbabit.

Operasi kali ini dijalankan selama lima hari bermula kelmarin dengan serbuan turut dilakukan di Hutan Simpan Batu Gangan dan Hutan Simpan Sungai Ichat.

Timbalan Pengarah (Operasi) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Dr Grippin Akeng, berkata anggota risikan yang memasuki kawasan itu menemui kebun dengan tanaman kacang buncis, lobak, kubis dan bawang dipercayai diusahakan beberapa penduduk tempatan yang menggunakan pekerja warga asing.

Ketika serbuan, katanya, pekerja warga asing yang mengusahakan kebun sempat melarikan diri selepas dipercayai terlebih dahulu menghidu pergerakan operasi.

"Semua tanaman sayur bersama binaan seperti stor baja dan pondok tempat tinggal pekerja yang ditemukan di kawasan diusahakan secara haram itu dimusnahkan bagi memastikan ke-



Operasi meruntuhkan para tanaman kekacang dilakukan dalam kawasan Hutan Simpan Bertam yang dicaroboh.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

giatan berkenaan tidak terus berulang.

"Tindakan pemusnahan tanaman sayuran perlu diambil kerana ia menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984 kerana mencaroboh kawasan hutan simpan.

"Selepas pemusnahan, tinda-



Keratan akhbar BH, 31 Julai lalu.

kan pemulihan dilakukan dengan menanam tanaman sesuai di tanah tinggi seperti pokok jenis gerok, meranti bukit, damar minyak dan ru bukit," katanya.

Sebelum ini, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah meluahkan kebimbangan mengenai tanah di Pahang yang 'dijajah' pen-

datang asing secara terang-terangan berpunca kurangnya nilai integriti.

Baginda memberi contoh tanah di Cameron Highlands yang dipajak dan disewa kepada petani serta pengusaha tetapi kini disewakan kepada warga asing.

Mengulas lanjut, Grippin berkata, pihaknya tidak pasti bila kawasan pertanian terbabit mula diteroka, namun kawasan dicaroboh itu ditemui selepas semakan data perisikan dilakukan Jun lalu, selain tinjauan secara berkala kakitangan Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands setiap bulan.

Beliau percaya permintaan tinggi sayuran tanah tinggi Cameron Highlands menjadi faktor utama kegiatan mencaroboh hutan simpan di daerah itu terus berlaku walaupun tindakan penguatkuasaan dilakukan berterusan.

Malah, pihaknya tidak menolak kemungkinan terdapat dalang penduduk tempatan yang menggunakan warga asing sebagai buruh pertanian sepenuh masa, manakala hasil pertanian dipasarkan oleh individu terbabit.

"Jabatan akan terus meningkatkan pemantauan di beberapa kawasan hutan simpan di daerah ini seperti Hutan Simpan Ulu Bertam, Hutan Simpan Batu Gangan, Hutan Simpan Sungai Wi dan Hutan Simpan Terisu bagi memastikan tidak berlaku pencarobohan oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Lebih 40,000 belum daftar BUDI Agri-Komoditi

KLUANG – Lebih 40,000 pekebun kecil di Johor masih belum berdaftar untuk mendapatkan bantuan BUDI Agri-Komoditi yang secara langsung menyebabkan mereka tidak menerima bayaran sejak diperkenalkan awal tahun ini.

Ini kerana hanya kira-kira 1,000 pekebun kecil yang terlibat dalam aktiviti komoditi seperti kelapa sawit, getah, koko, lada hitam dan kenaf mendaftar untuk mendapatkan bantuan subsidi diesel.

Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, sehingga kini hanya 60,000 daripada lebih 100,000 pekebun kecil di seluruh Semenanjung sudah mendaftar untuk mendapatkan bantuan subsidi diesel yang disediakan kerajaan.

Katanya, untuk tujuan itu, semua agensi dalam Kementerian tersebut termasuk pemimpin di daerah serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) perlu turun



JOHARI (kiri) melihat buah kelapa sawit keluaran MPOB pada program Turun Padang BUDI Agri-Komoditi di Kluang semalam.

padang membantu semua pekebun kecil ini mendaftarkan diri bagi membolehkan mereka mendapatkan bantuan selayaknya.

“Memang ada pekebun kecil yang tidak mahu mendapatkan bantuan subsidi diesel ini kerana merasakan mereka belum me-

perlukan untuk berbuat demikian.

“Namun, kita tekankan adalah mereka yang memerlukan bantuan kerana terjejas apabila mempunyai saiz kebun dan keluasan tanah kecil di mana apabila mereka menghantar hasil

berdepan kos pengangkutan tinggi akibat kenaikan harga diesel,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan program Turun Padang BUDI Agri-Komoditi di Dewan Muafakat Kampung Datuk Abdul Rahman Yassin, di sini semalam.

Seramai kira-kira 600 pekebun kecil Zon Selatan hadir dalam majlis ini.

Menurut Johari, Program BUDI Agri-Komoditi merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani), yang bertujuan untuk menyasarkan subsidi diesel kepada pekebun kecil dalam sektor agrikomoditi serta petani dan penternak di sektor pertanian.

“Kementerian Perladangan dan Komoditi bertanggungjawab memastikan pekebun kecil sawit, getah, koko, lada, dan kenaf yang berdaftar dengan agensi-agensi di bawah KPK di Semenanjung menikmati faedah daripada program ini,” tambahnya.